

NAMA PENUH : _____

KELAS : _____

TARIKH : 7/12/2020 (ISNIN)

KERTAS 1 BAHAGIAN B (TATABAHASA) TINGKATAN 1

LATIHAN 1

1. Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian tentukan subjek dan predikat.

(a) Petugas kaunter jabatan itu terkenal dengan sikapnya yang mesra dan peramah.

Subjek : _____

Predikat : _____

(b) Enak sekali rasa buah tembikai susu itu.

Subjek : _____

Predikat : _____

(2 markah)

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

(a) Orang buta itu hampir-hampir dilanggar kereta ketika dia hendak _____ jalan raya.

(b) Pekerjaan dalam sektor cari gali petroleum ini memerlukan tenaga kerja yang mahir dan _____.

(2 markah)

3. Berdasarkan pernyataan di bawah, tulis satu peribahasa yang sesuai.

Ketua Kampung Telaga Mas sangat gembira kerana penduduk kampung selalu memberikan kerjasama yang padu dalam segala aktiviti yang diadakan di kampung tersebut.

(1 markah)

LATIHAN 2

1. Dalam petikan di bawah ini, terdapat **dua kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kini, gejala ponteng sekolah semakin menjadi-jadi. Seandainya masalah tidak diatasi dengan segera akan menimbulkan pelbagai kesan yang lebih buruk. Salah satu daripada sebab berlakunya gejala ini ialah kurangnya kawalan daripada ibu bapa. Terdapat setengah ibu bapa terlalu memanjakan anak sehingga melebihi had. Segala kemewahan diberikan kepada anak-anak tanpa memikirkan kesan buruk. Akibatnya anak-anak ini akan malas belajar dan gemar ponteng sekolah. Mereka berangapan bahawa ibu bapa sudah menyediakan segala keperluan yang diingini.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Setelah mengadakan perbincangan, perkara yang kalut itu telah dapat diselesaikan.

(b) Laman sosial merupakan medium komunikasi utama yang popular pada masa kini.

(2 markah)

3. Pilih dan isi peribahasa yang sesuai berdasarkan maksud di bawah.

Burung terbang dipipiskan lada	Ibarat burung, mata terlepas badan terkurung	Bagai murai tercabut ekor
--------------------------------	--	---------------------------

Maksud : Walaupun terpelihara baik tetapi tidak mempunyai kebebasan.
--

Peribahasa :

(1 markah)